

0000

U 8721 DEB
MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA, BIARPUN PERBEZAAN WUJUD DI KALANGAN MASYARAKAT BERBILANG KAUM, PERSAMAAN YANG ADA DALAM PERKARA-PERKARA TERTENTU HENDAKLAH DIJADIKAN ASAS KE ARAH MENJALIN PERHUBUNGAN BAIK ANTARA MEREKA.

KATANYA, NILAI-NILAI YANG SAMA HARUS DITITIKBERATKAN MANAKALA YANG MENIMBULKAN PERBEZAAN DIKETEPIKAN.

PERHUBUNGAN ANTARA KAUM PALING BAIK DIJALIN DI KALANGAN KANAK-KANAK, TAMBAHNYA SEMASA MELANCARKAN +PAPAN TANDA KEJIRANAN+ TAJAAN PUBLIC BANK BERHAD DI BANDAR TUN RAZAK, DEKAT SINI, HARI INI.

INI KERANA KANAK-KANAK DILAHIRKAN TANPA APA-APA PRASANGKA, TANPA MENGENAL BANGSA ATAU KAUM DAN MEREKA +HANYA SUKA BERSAWABAT ANTARA SATU DENGAN YANG LAIN+, JELASNYA

JIKA PERSAHABATAN DI KALANGAN KANAK-KANAK DIKUKUHKAN DAN PERBICARAAN MENGENAI PERBEZAAN DIKURANGKAN, BELIAU YAKIN KANAK-KANAK AKAN LEBIH MUDAH BERSAHABAT SESAMA SENDIRI. -- LAGI
1530MST 13 09 87

0002

U 8723 DEB
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

+DENGAN ITU, MEREKA DAPAT MEMAHAMI AKAN PANTANG LARANG, NILAI HIDUP DAN KEBUDAYAAN MASING-MASING. MEREKA AKAN TAHU APA YANG BOLEH DISENTUH DAN APA YANG TIDAK HARUS DISENTUH,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KANAK-KANAK INI AKAN MEMBESAR DENGAN PENUH KEFAHAMAN MENGENAI PERBEZAAN DAN PERSAMAAN YANG WUJUD ANTARA PELBAGAI KAUM, LANTARAN ITU MEMUDAHKAN MEREKA MENYESUAIKAN DIRI DENGAN MASYARAKAT MAJMUK DI NEGARA INI.

BELIAU, BAGAIMANAPUN, MENEGASKAN BAHAWA KEADAAN INI TIDAK AKAN TUMBUH SECARA SENDIRI SEKIRANYA TIDAK DIPUPUK DAN MENAMBAH, ORANG DEWASA BERTANGGUNGJAWAB MENYEMAIKAN SEMANGAT BERBAIK-BAIK DI KALANGAN MEREKA ITU.

PERDANA MENTERI, YANG BERKATA KERAJAAN MENITIKBERATKAN USAHA MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN DI KALANGAN RAKYAT, BAGAIMANAPUN, KESAL KERANA USAHA KERAJAAN SETAKAT INI TIDAK MENAMPACKAN HASIL SEPERTI YANG DIJANGKA.

BELIAU BERHARAP +PAPAN TANDA KEJIRANAN+ DENGAN SLOGAN +JIRAN TETANGGA SAHABAT KITA+ YANG DIDIRIKAN ITU AKAN MENYEDARKAN RAKYAT MENGENAI PERI PENTINGNYA BERBAIK-BAIK DENGAN JIRAN TANPA MENGIRA BATAS KAUM DAN AGAMA. -- LAGI
1545MST 13 09 87

0003

U 8724 DEB
MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MEMUJI PUBLIC BANK KERANA MEMBELANJAKAN \$50,000 MEMBANTU KERAJAAN, MELALUI JABATAN PERPADUAN NEGARA, MEMUPUK SEMANGAT KEJIRANAN MELALUI PROJEK TERSEBUT. SEBANYAK 18 PAPAN TANDA SEUMPAMA AKAN DIDIRIKAN DI SELURUH NEGARA.

TURUT HADIR DALAM MAJLIS ITU IALAH MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, ENCIK KASITAH GADDAM, TIMBALAN-TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN, DATUK OO GIN SUN DAN DR S SULAIMAN MOHAMED, PENGERUSI PUBLIC BANK BERHAD, TAN SRI THONG YAW HONG, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PUBLIC BANK BERHAD, TAN SRI TEH HONG PIOW DAN PENASIHAT UMUM KUMPULAN DAN PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL DAN KESELAMATAN PUBLIC BANK BERHAD, SENATOR DR NORDIN SELAT.

-- BERNAMA
1547MST 13 09 87